



KENYATAAN RASMI

BERKENAAN KEBENARAN PELAJAR BERKEPERLUAN KEMBALI KE KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENDAHULUAN

Kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 10 Februari 2022 berkenaan Kemasukan Pelajar Kembali Ke Kampus secara berperingkat bermula 1 Mac 2022 adalah dirujuk. Selaras dengan pengumuman itu, sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membuka kembali kampus kepada pelajar bagi Semester 2 Sesi 2021/2022, manakala aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akan dilaksanakan melalui salah satu atau gabungan mod: (i) fizikal (F2F); (ii) hibrid; dan/atau, (iii) atas talian sepenuhnya (FoL).

Sehubungan itu, berikut adalah makluman penting mengenai proses pelajar UMS kembali ke kampus dan pelaksanaan aktiviti PdP bagi sesi akademik berkenaan:

2. PENDAFTARAN DAN KEMASUKAN PELAJAR

Fasa 1:

Pendaftaran pelajar yang melibatkan aktiviti PdP secara fizikal dan pelajar yang menghadapi masalah capaian internet (accessibility) pada 11 hingga 13 Mac, 2022 (Jumaat - Ahad).

Fasa 2:

Pendaftaran pelajar yang melibatkan aktiviti PdP secara fizikal bagi Fakulti Perhutanan Tropika (FPT) dan Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) pada 7 hingga 8 Mei, 2022 (Jumaat - Ahad).

Nota:

- Bagi Pelajar Residen: Lokasi pendaftaran ialah di Kolej Kediaman pelajar masing-masing.
- Bagi Pelajar Non-Residen: Lokasi pendaftaran di Pejabat Pusat Pengurusan Non-Residen dan Fasiliti Perumahan Pelajar (PNRF), Bangunan Anjung Siswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

3. PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERGERAKAN PELAJAR

Disebabkan kapasiti penempatan Kolej Kediaman adalah terhad, keutamaan diberikan kepada pelajar kategori berikut untuk kembali ke kampus:

- i. Pelajar terlibat PdP mod F2F dan mod hibrid.
- ii. Pelajar yang menghadapi masalah capaian internet (accessibility).
- iii. Pelajar kategori OKU.
- iv. Pelajar kategori B40.
- v. Pelajar tahun akhir pengajian.
- vi. Pelajar tahun pertama pengajian.

Berikut adalah prosedur operasi standard (SOP) bagi pergerakan pelajar Residen dan Non-Residen UMS untuk kembali ke kampus;

- i. Bagi pelajar yang **lengkap vaksinasi** perlu membuat ujian saliva sebelum dibenarkan mendaftar di Kolej Kediaman bagi memastikan pelajar bebas dari wabak COVID-19. Pelajar perlu memuatnaik keputusan saliva ke dalam aplikasi UMS Shields pelajar. Kos ujian adalah tanggungan pelajar sendiri.
- ii. Bagi pelajar yang **tidak lengkap vaksinasi** atau **tidak divaksinasi**, mereka perlu membuat ujian RT-PCR dan berkeputusan negatif tiga (3) hari sebelum masuk ke kampus, dan pelajar dikehendaki melakukan RTK-Ag setiap minggu mengikut Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pelajar perlu memuatnaik keputusan ujian di dalam UMS Shields pelajar. Kos semua ujian adalah tanggungan pelajar sendiri.
- iii. Semua pelajar tidak perlu menjalani pengasingan. Walau bagaimanapun, pelajar dikehendaki melakukan pemantauan kendiri melalui aplikasi UMS Shields (Post-registration Monitoring).
- iv. Para pelajar boleh membuat semakan melalui aplikasi UMS Shields bermula pada **28 Februari 2022** sekiranya tersenarai untuk kebenaran kembali ke kampus dan kelulusan permohonan kolej kediaman.
- v. Pelajar diminta untuk mengatur pergerakan kembali ke kampus dan sentiasa menjaga kesihatan serta mematuhi segala SOP yang ditetapkan demi kesejahteraan bersama.
- vi. Pelajar yang tidak mendapat penempatan di kolej kediaman boleh menyewa rumah/premis kediaman di sekitar kawasan kampus atas urusan sendiri.

4. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

- i. Proses PdP akan dilaksanakan melalui mod penyampaian yang sesuai (F2F, Hibrid atau FOL) yang telah dikenalpasti dan ditetapkan oleh Fakulti/Akademi/ Pusat/Institut (F/A/P/I) masing-masing bagi setiap kursus, program dan pelajar.
- ii. Pelajar perlu menyemak jadual kuliah dalam portal masing-masing bagi memastikan perancangan dan persediaan dapat dibuat sebelum kuliah bermula.
- iii. Pelajar perlu menghubungi F/A/P/I masing-masing untuk mendapatkan perincian penawaran kursus dan mod PdP untuk membuat keputusan dan perancangan berhubung pergerakan kembali ke kampus pada Semester 2 Sesi 2021/2022.
- iv. Aktiviti PdP seperti kuliah, penggunaan makmal, bilik kuliah, perpustakaan dan semua fasiliti di dalam kampus perlu mematuhi SOP yang ditetapkan.

5. AM

- i. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini boleh dikemukakan dengan menghubungi talian *hotline* Jabatan Hal Ehwal Pelajar di nombor 088-320 060.
- ii. Pengumuman ini tertakluk kepada sebarang arahan terkini yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri Sabah, termasuk oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Imigresen dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pelajar UMS adalah dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan dan makluman terkini oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK DAN KOMUNIKASI KORPORAT

Universiti Malaysia Sabah

24 Februari 2022